



TUNKU Abdul Rahman pada majlis pengisytiharan kemerdekaan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur. Turut hadir ialah Raja-Raja Melayu Melayu serta Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Donald MacGillivray. Gambar ini dirakam oleh jurugambar Jabatan Penerangan Malaysia, Ng Weng Hong.

# Foto memori merdeka



FOTO dirakam pada 18 Januari 1956 menunjukkan rombongan diketuai Tunku Abdul Rahman (tiga dari kanan) merundingkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dengan kerajaan British di Lancaster House, Westminster, London, United Kingdom.

## PERAKAM MOMEN

Shahrul M Zain



British turut membantu perajurit tanah air memerangi pemberontakan pengganas komunis di Tanah Melayu sebelum Raja-Raja Melayu menandatangani surat Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu sekali gus, memansuhkan Malayan Union.

Pemilihan tarikh kemerdekaan dibuat ulama Sheikh Abdullah Fahim (1869-1961) yang juga individu pertama dilantik sebagai Mufti Pulau Pinang selepas merdeka.

Beliau adalah datuk kepada Perdana Menteri ke-5, Tun Abdullah Ahmad Badawi yang memiliki kepakaran dalam ilmu falak.


Selain itu, Harian Metro berjaya membongkar individu di sebalik ciptaan bendera Malaysia iaitu Mohamed Hamzah (1918-1993) yang juga arkitek Jabatan Kerja Raya (JKR) Johor.

Penemuan itu berdasarkan dokumen dan lakaran reka bentuk asal bendera Malaysia yang dihasilkan Allahyarham dalam pertandingan anjuran Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu pada 1949.

Nama bendera Malaysia kemudian ditukar kepada Jalur Gemilang oleh Perdana Menteri ke-4 Tun Dr Mahathir Mohamed pada malam sambutan kemerdekaan ke-40 pada 31 Ogos 1997 di Dataran Merdeka.

Begitulah penting dokumentasi gambar oleh jurugambar pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Muzium Malaysia, Arkib Negara dan Jabatan Penerangan selain organisasi media pada waktu itu yang merakam momen bersejarah untuk tatapan generasi akan datang.

***Sesungguhnya gambar dan pengisian sejarah tidak pernah luput di ingatan dan akan segar sepanjang zaman.***





PADA 5 Ogos 1957 Raja-Raja Melayu menandatangani surat Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang sekali gus memansuhkan Malayan Union dengan disaksikan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Muhammad bersama Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman dan Pesuruhjaya Tinggi British diwakili Sir Donald MacGillivray.



SHEIKH Abdullah Fahim




**RAKAMAN** pada 31 Oktober 1956 menunjukkan Jalan Tun Perak yang sebelumnya dikenali sebagai Mountbatten Road di Kuala Lumpur yang sibuk dengan kenderaan. Bendera Union Jack kelihatan digantung bersama bendera Malaya.



**RAKYAT** membuang undi sempena pilihan raya pada 27 Julai 1955 di Mersing, Johor.




FOTO dirakam pada 18 Januari 1956 menunjukkan Tunku Abdul Rahman (empat dari kanan) bersama rombongan merundingkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di London, United Kingdom.



KH Abdullah Fahim



MOHAMED Hamzah



SKUADRON Kor Perisai Persekutuan dalam operasi memburu komunis pada 1952.

31Z V94



DALAM gambar dirakam pada Julai 1955, seorang penyokong parti menunjukkan tajuk akhbar bertulisan Jawi kepada penyokong dalam kempen pilihan raya di Melaka.

